

Kolej kediaman luar menjayakan program sambutan Maulidur Rasul

UB 28.11.2019 15

KOTA KINABALU:

Kumpulan Al-Aslah iaitu wakil daripada kolej kediaman luar UMS (Kediaman Ecopark, Kolej Kediaman 1Borneo dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher) baru-baru ini menjayakan Program Sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1441H peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama-sama dengan Jabatan, Fakulti dan Institut dalaman UMS yang lain.

Kumpulan ini yang diketuai sendiri oleh pengetua ketiga-tiga Kolej Kediaman Wijaya Kamal Ramlan, melahirkan rasa gembira dan bersyukur dengan penyertaan pelajar-pelajar Kolej Kediaman iaitu mahasiswa dan mahasiswi UMS khususnya ke arah program yang berbentuk kerohanian ini.

Rasa kasih dan sayang kepada Nabi Junjungan Muhammad S.A.W dapat diterapkan dalam kalangan pelajar dan seterusnya mencontohi akhlak dan keperibadian baginda di



ALBUM: Sesi bergambar bersama pengetua, timbalan tengetua, kakitangan HEP serta JAKMAS dan pelajar Kediaman Ecopark, Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher.

dalam kehidupan sehari-hari kita.

Di samping itu, wakil pelajar bagi program ini iaitu Husna Ahmad Hafidz juga berkongsi rasa terima kasih dan mengucapkan tahniah kepada pihak pengajur dalam mengadakan program yang baik dan bermanfaat buat semua mahasiswa dan mahasiswi UMS.

Melalui program ini juga, beliau dan rakan-rakan JAKMAS dari Kolej Kediaman luar yang lain dapat bekerjasama di dalam menjayakan program ini katanya.

Program ini yang merupakan acara tahunan bagi Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah berjalan dengan baik dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan

pelajar dan kakitangan UMS bersama-sama meraikan hari kebesaran Nabi Muhammad S.A.W.

Di antara pengisian yang dijalankan pada hari itu ialah bacaan ayat al-Quran, ceramah Maulidur Rasul yang disampaikan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin, selawat beramai-ramai dan lain-lain lagi.